

BAB PERTAMA  
PENDAHULUAN.

## BAB PERTAMA

### 1.1 Tujuan Kajian.

Kajian ini mempunyai tujuan-tujuan berikut:

Untuk melihat gambaran yang sebenar tentang Pertanian menurut perspektif Islam.Oleh kerana buat masa ini, bidang ekonomi Islam telah mendapat perhatian daripada masyarakat Islam di negara ini, jadi penulis merasakan amat penting bidang Pertanian ini diketengahkan .Di samping itu, Pertanian merupakan satu sektor penting yang menyumbang kepada pendapatan negara.Oleh kerana itu amat penting bidang Pertanian ini diketengahkan supaya ianya selaras dengan kehendak hukum-hukum Islam.

Memahami masalah-masalah serta kehendak dan keperluan penduduk Mukim Terap, Kulim, Kedah dibidang ekonomi Pertanian.Penemuan dari kajian ini diharapkan dapat membantu menyelesaikan segala masalah yang selama ini menjadi halangan kepada pembangunan dan kemajuan Mukim tersebut.Maklumat-maklumat yang diperolehi dari kajian ini diharapkan dapat membantu penduduk Mukim mencapai matlamat yang diharapkan.

Mengenalpasti sumber-sumber Pertanian yang terdapat di Mukim tersebut yang boleh digunakan bagi mempertingkatkan pendapatan penduduk dari tahap yang ada sekarang.

### 1.2 Bidang Kajian.

Penulis telah menjadikan Pertanian sebagai bidang kajian. Pertanian di dalam pengertiannya mempunyai skop yang luas. Ia membawa maksud tanam-tanaman seperti padi, getah, kelapa sawit dan termasuk juga bidang penternakan dan perikanan. Penulis cuba untuk memfokuskan bidang Pertanian ini dengan sebaik mungkin semoga ianya dapat memberi gambaran yang sebenar tentang bidang Pertanian ini. Di samping itu juga, Penulis menggambarkan Pertanian menurut perspektif Islam. Disertakan definisi, dalil-dalil tentang pentingnya Pertanian menurut Islam.

Bidang kajian penulis ini ditumpukan khas kepada penduduk-penduduk di Mukim Terap, Kulim, Kedah. Penulis cuba untuk menganalisa kadar penglibatan masyarakat Islam di Mukim ini di dalam sektor Pertanian.

Sebagaimana kita maklum, Pertanian mempunyai hubungan yang rapat dengan tanah. Oleh kerana itu penulis telah memberikan tumpuan yang khusus tentang tanah di dalam bidang kajiannya. Tanah adalah anugerah Allah yang tidak ternilai. Allah telah menjanjikan pahala yang besar kepada sesiapa yang memakmurkan bumi ini.

### 1.3 Masalah Kajian.

Untuk menyelesaikan sesuatu penyelidikan yang boleh memberi gambaran sebenar tentang sesuatu tajuk, penulis telah mengalami berbagai masalah. Di antaranya:

- (a) Kekurangan data-data tentang sektor Pertanian di kawasan kajian penulis. Ini disebabkan skop kajian penulis adalah berkisar di kawasan Mukim sahaja. Penulis telah cuba untuk mendapatkan data-data tersebut tetapi data-data tersebut adalah di dalam bentuk yang umum. Ini menimbulkan kesukaran kepada penulis untuk menganalisa data-data tersebut di dalam bentuk yang khusus. Dari data-data yang penulis dapati hanya berkisar di kawasan daerah. Ia tidak memberi tumpuan khusus kepada Mukim yang menjadi kawasan kajian penulis.
- (b) Di dalam soal selidik yang diedarkan kepada responden responden, sebilangan daripada mereka yang terlibat dengan sektor Pertanian tidak memberikan gambaran yang sebenar tentang penglibatan mereka di dalam sektor tersebut. Setengah-setengah daripada borang soal selidik tidak dikembalikan kepada penulis. Penulis terpaksa mengisi borang soal selidik itu secara temuduga kerana terdapat sebilangan penduduk-penduduk yang terlibat dengan sektor Pertanian ini tidak mahir menulis dan membaca.
- (c) Kebanyakan buku-buku yang melibatkan Pertanian dari perspektif Islam adalah terdapat di dalam buku-buku berbahasa Arab. Ini menimbulkan kesukaran kepada penulis untuk menterjemahkannya kerana penulis tidak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik.

#### 1.4 Kawasan Kajian.

##### Latarbelakang kawasan kajian, sejarah Mukim Terap.

Mengikut maklumat yang diperolehi dari salah seorang penduduk Mukim ini iaitu Bekas Penghulu Mukim Terap, perkataan "Terap" berasal dari nama pokok yang terletak di tepi jalanraya utama yang menuju ke Mukim Terap. Mengikut ceritanya, kawasan tersebut telah diterokai oleh dua orang iaitu Tuan Haji Abdullah yang berasal dari Patani, Thailand dan Tuanku Ali yang berasal dari Kampung Raja Besut, Terengganu.

Tuan Haji Abdullah dikatakan bukan nama sebenarnya dan telah digunakannya untuk mengelakkan diri dari ditangkap oleh pihak Siam. Beliau merupakan pemerintah Wilayah Yala Thailand yang telah kalah di dalam perang dengan pihak Siam. Kerana itu beliau telah melarikan diri ke kawasan tersebut bersama empat orang isterinya.

Sementara itu Tuanku Ali pula telah datang ke Mukim Terap bersama saudara kandungnya akibat dari pergaduhan dengan keluarganya di Terengganu.

Mukim tersebut kemudiannya telah bertambah bilangan penduduk akibat dari penghijrahan pengikut kedua-dua tokoh tersebut. Pada peringkat awalnya, aktiviti ekonomi penduduk di Mukim tersebut ialah penanaman padi. Aktiviti ekonomi ini kemudiannya telah bertukar corak dengan tanaman getah disebabkan oleh permintaannya yang begitu baik ketika itu, dan keadaan ini kekal sehingga ke hari ini.

#### 1.4.2 Kedudukan Kawasan Kajian.

Mukim ini diberi nama Mukim Terap, Kulim, Kedah Darulaman. Letaknya kira-kira sebelas batu dari Pekan Kulim yang merupakan pusat pentadbiran Daerah Kulim. Ia mengandungi lima buah kampung yang bergabung di bawah satu pentadbiran Mukim atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Kampung-kampung tersebut ialah. Kampung Terap, Kampung Batu Sepuluh, Kampung Batu dua Belas, Kampung Bendang Sara dan Kampung Badlishah. Keluasan Mukim dianggarkan 13 919 ekar.

Nama-nama kampung yang terdapat di dalam Mukim Terap adalah secara langsung menggambarkan rupabumi Mukim tersebut iaitu berbukit-bukit, berpaya dan bertanah rata. Mukim ini dibahagikan oleh Sungai Terap yang mengalir dari timur ke selatan yang membentuk suatu dataran iaitu Lembah Sungai Terap yang menjadi kawasan tanaman padi. Kedudukan kampung-kampung ini dihubungkan antara satu sama lain oleh rangkaian sistem jalanraya bertar, jalan minitar, jalan tanah merah dan jalan kampung.

Kawasan kediaman di Mukim ini tertumpu disepanjang jalan yang keseluruhannya sepanjang 6.5 kilometer. Kawasan keliling rumah kebanyakannya dijadikan sebagai dusun buah-buahan dan ternakan secara kecil-kecilan yang tidak ekonomik. Kawasan Pertanian khasnya getah terdapat di suatu kawasan khas yang berbukit-bukit sementera padi banyak ditanam di kawasan Lembah Sungai Terap yang terletak di Tengah kawasan Mukim ini.

#### 1.4.3 Kegiatan dan Kedudukan Ekonomi.

Sebahagian besar dari penduduk-penduduk di Mukim ini bergantung hidup mereka kepada hasil-hasil Pertanian. Hanya terdapat sebilangan kecil sahaja yang bekerja sebagai kakitangan Kerajaan dan Swasta. Manakala selebihnya adalah mereka yang bekerja sendiri seperti mengambil upah membuat rumah (bertukang), menebas kebun dan dusun, penternak, buruh kontrak dan sebagainya. Mengikut jenis pekerjaan penduduk-penduduk Mukim Terap, bolehlah diklasifikasikan seperti berikut, 32.3% adalah terdiri daripada Pekebun Kecil getah, 27.4% adalah Penanam Padi, 9% adalah kakitangan Kerajaan., 3.9% adalah kakitangan Swasta dan 27.4% terdiri daripada mereka yang bekerja sendiri. Lihat jadual:

Jenis Pekerjaan Penduduk.

Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Pekebun Kecil Getah	125 orang	32.3%
Penanam Padi	106 orang	27.4%
Kakitangan Kerajaan	35 orang	9.0%
Kakitangan Swasta	15 orang	3.9%
Pekerja Sendiri	106 orang	27.4%
Jumlah	387 orang	100.00%

Sumber: Pejabat Penghulu Mukim Terap, Kulim, Kedah.

#### 1.4.4 Komposisi Penduduk.

Keseluruhannya masyarakat di Mukim ini adalah berbangsa Melayu. Terdapat sebanyak 203 buah rumah yang kebanyakan binaannya

berbentuk rumah kayu. Jumlah penduduk ialah seramai 921 orang.

Dari segi peratus, penduduk berumur 65 tahun ke atas berjumlah 7.9%, 42.8% berumur antara 36 ke 64 tahun, 12.2% berumur antara 15 ke 35 tahun, 22.2% berumur antara 6 hingga 14 tahun dan 14.8% berumur kurang dari 6 tahun. Lihat jadual:

Komposisi Penduduk Mengikut Umur.

Umur	Bilangan	Peratus.
Kurang 6 tahun	137 orang	14.8%
6 hingga 14 tahun	204 orang	22.2%
15 hingga 35 tahun	112 orang	12.2%
36 hingga 64 tahun	395 orang	42.8%
Lebih 65 tahun	73 orang	7.9%
Jumlah	921 orang	100.00%

Sumber: Pejabat Penghulu Mukim Terap, Kulim, Kedah.

Komposisi penduduk mengikut jantina, 45.2% adalah terdiri dari lelaki manakala 54.8% terdiri dari perempuan. Lihat jadual:

Komposisi Penduduk Mengikut Jantina.

Jantina	Bilangan	Peratus.
Lelaki	416 orang	45.2%
Perempuan	505 orang	54.8%
Jumlah	931 orang	100.00%

Sumber: Pejabat Penghulu Mukim Terap, Kulim, Kedah.

Dari segi taraf pelajaran penduduk, terdapat 14.9% yang belum bersekolah, 12.3% yang tidak bersekolah, 61.9% berada di sekolah Rendah, 7.7% berada di sekolah Menengah Rendah, 2.1% berada di sekolah Menengah Atas dan 1.1% berada di Institusi Pengajian Tinggi. Lihat jadual:

Taraf Pelajaran Penduduk.

Taraf Pelajaran	Bilangan	Peratus.
Belum Bersekolah	114 orang	14.9%
Tidak Bersekolah	113 orang	12.3%
Sekolah Rendah	570 orang	61.9%
Sekolah Menengah Rendah	71 orang	7.7%
Sekolah Menengah Atas	20 orang	2.1%
Institusi Pengajian Tinggi	10 orang	1.1%
Jumlah	921 orang	100.00%

Sumber: Pejabat Penghulu Mukim Terap, Kulim, Kedah.

#### 1.4.5 Struktur Pentadbiran.

Mukim Terap, Kulim, Kedah ditadbir oleh seorang Penghulu yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Kedah. Ia bertanggungjawab menguasai dan mentadbir hal-hal yang bersangkutan dengan penduduk-penduduk Mukim ini.

Di dalam menjalankan tugas-tugasnya, Penghulu tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Pegawai Daerah Kulim. Ia hendaklah melaporkan segala kegiatan yang berlaku di Mukim.

Terap kepada Pegawai Daerah tersebut dari semasa ke semasa. Di sini hubungan di antara Penghulu dengan Pegawai Daerah adalah sangat rapat.

Pegawai Daerah adalah orang yang bertanggungjawab di dalam mentadbir hal-hal yang bersangkutan dengan sesuatu daerah. Di dalam daerah Kulim terdapat seorang Pegawai Daerah, di bawahnya terdapat dua orang Penolong Pegawai Daerah iaitu Penolong Pegawai Daerah Pentadbiran dan Penolong Pegawai Daerah Pembangunan.

Di akhir struktur pentadbiran Mukim ini ialah perlantikan seorang Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Pengerusi bertanggungjawab untuk melantik ahli-ahli jawatankuasanya melalui sistem undi. Kelazimannya tiap-tiap kampung yang terletak di bawah Mukim Terap ini diwakili oleh sekurang-kurangnya seorang ahli jawatankuasa. Mesyuarat sentiasa diadakan dari semasa ke semasa bagi membincangkan program-program pembangunan di Mukim Terap ini. Lihat lampiran (1).

#### 1.5 Metodologi Kajian.

Di dalam kajian ini metod adalah merupakan suatu unsur yang sangat penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian.

Di dalam penulisan ini penulis telah menggunakan beberapa metod yang dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian:

### 1.5.1 Metod Penentuan Subjek.

Penulis telah mengkhususkan kajiannya di kalangan penduduk-penduduk Mukim Terap, Kulim, Kedah. Penelitian fokus penulis ini adalah berdasarkan kepada ruang lingkup kehidupan penduduk-penduduk Mukim Terap, kemudahan untuk berinteraksi dan mengambil maklumat daripada mereka yang terlibat untuk bahan kajian.

### 1.5.2 Metod Pengumpulan Data.

Penelitian adalah bererti usaha-usaha yang dilakukan dengan pengumpulan data dan penafsiran terhadap data yang terkumpul. Dalam usaha pengumpulan data untuk penyusunan kertas projek ini, penulis telah menggunakan beberapa metod untuk mendapatkan data yang diperlukan. Antara metod-metod yang digunakan dalam pengumpulan data oleh penulis ialah:

#### Metod Interview.

Di dalam metod ini penulis telah menemui dan menemubual responden-responden untuk mendapatkan maklumat dan keterangan dengan seseorang itu.

Proses interview ini dilakukan terhadap pihak responden yang terlibat dengan sektor Pertanian sahaja untuk mendapatkan maklumat sebenar dan tepat mengenai masalah ini. Penulis telah menemubual seramai 30 orang responden.

Secara tidak langsung maklumat yang diperolehi akan lebih jelas dari keterangan responden sendiri tanpa dipengaruhi oleh apa-apa elemen yang boleh menyebabkan kekaburuan fakta dan maklumat. Ini juga dapat membebaskan responden dari kesalahan menyampaikan maklumat yang dikehendaki oleh penulis.

#### Metod Soal Selidik.

Bagi metod ini, penulis telah menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat terperinci. Penulis telah mengambil 50 orang responden sebagai sampel kajian. Soalan-soalan yang dikemukakan di dalam soal selidik ini secara umumnya diajukan untuk mengambil maklumat personel responden, jenis-jenis Pertanian yang diamalkan dan lain-lain hal yang bersangkutan.

#### 1.5.3 Metod Analisa Data.

Data-data serta perangkaan yang didapati dari borang soal selidik membantu penulis untuk menganalisa serta menanggapi masalah yang timbul.

Data yang diperolehi dianalisa secara terperinci untuk mengwujudkan data yang tepat. Kemudian dikemukakan rumusan serta kesimpulan kajian.

#### Metod Induktif.

Dalam menganalisa data, penulis menggunakan metod induktif. Metod induktif adalah suatu cara menganalisa data melalui pola

perfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum. Oleh kerana itu, cara penulis menganalisa data ialah dengan memparkan data yang bersifat khusus dan dari data-data itu, penulis membuat kesimpulan yang bersifat umum.

#### 1.5.4 Metod Observasi.

Metod ini digunakan oleh penulis berdasarkan pengalaman penulis mendiami di Mukim Terap, Kulim, Kedah selama dua puluh empat tahun.

Dengan menggunakan metod ini, ianya turut membantu penulis untuk memudahkan penghasilan serta penelitian pokok permasalahan.

#### 1.5.5 Metod Kajian Buku.

Penulis banyak menggunakan metod ini terutamanya di dalam bat kedua dan ketiga iaitu landasan teori. Rujukan buku terpaksa dilakukan untuk memahami Pertanian dari perspektif Islam serta penghujahan dan pendalilan untuk membuktikan kebenaran fakta. Kajian buku ini dilakukan dengan menggunakan rujukan dari bahasa Arab dan rujukan dari bahasa Malaysia serta artikel-artikel yang bersangkutan dengan Pertanian.